

<b>Headline</b>	<b>Sultan Perak rasmi Masjid Sultan Nazrin Muizzuddin Shah</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian (Utara)</b>		
<b>Date</b>	<b>15 May 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>40,000</b>	<b>Readership</b>	<b>120,000</b>
<b>Section</b>	<b>NEWS</b>	<b>Page No</b>	<b>21</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>172 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 5,560</b>		



## Sultan Perak rasmi Masjid Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

**TAPAH** - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan merasmikan Masjid Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di pekan Tapah kelmarin.

Baginda juga turut berkenan untuk menukar nama Masjid Daerah Tapah kepada Masjid Sultan Nazrin Muizzuddin Shah pada majlis berkenaan.

Keberangkatan tiba baginda pada jam 7 petang itu disambut jawat-ankuasa masjid dan pentadbiran kerajaan negeri.

Hadir sama, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, Exco Pendidikan, Teknologi, Sains dan Alam Sekitar Perak, Dr Abdul Aziz Bari, Setiausaha Ke-

rajaan Negeri Zainal Azman Abu Seman serta Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, Datuk Mohd Yusop Husin.

Baginda berkenan membuka tirai plak sebagai simbolik perasmian masjid diikuti bacaan doa sebelum berbuka puasa bersama kira-kira seribu rakyat jelata dan berkenan sebelum menunaikan solat Maghrib bersama tetamu kehormat, jemputan dan masyarakat setempat.

Pada majlis itu Sultan Nazrin turut berkenan menyampaikan sumbangan zakat bernilai RM140,500 kepada empat penghulu yang mewakili 562 penerima dari



**Sultan Nazrin Shah (kiri) mengaminkan doa selepas berkenan merasmikan Masjid Daerah Tapah ketika hadir di majlis merasmikan masjid tersebut dan Majlis Berbuka Puasa di Masjid Daerah Tapah kelmarin.**

empat mukim.

Empat mukim berkenaan adalah Mukim Sungkai, Mukim Chenderiang, Mukim Batang Padang dan Mukim Bidor.

Pada majlis sama,

Pengurus Besar Tenaga Nasional Berhad (TNB) Perak, Raja Datuk Abd Jalil Raja Zaid turut menyampaikan zakat fisabilillah kepada pihak pengurusan masjid sebanyak RM25,000.